

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2Jld.3(27)

20 Disember 2015
8 Rabiul Awal 1436H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 32/2015

CADANGAN PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK (eLPPT) TAHUN 2015 BAGI KOMPONEN PENYELIDIKAN DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah bersetuju dengan pelaksanaan penambahbaikan eLPPT 2015 yang lebih adil dari segi agihan beban dan penilaian serta membantu Universiti untuk mengekalkan status Universiti Penyelidikan (RU) selaras dengan keperluan instrumen dalam MyRAII (*Malaysia Research Assessment Instrument II*). Untuk itu, bagi tahun 2015, terdapat beberapa penambahbaikan bagi komponen penyelidikan yang akan dilaksanakan sejajar dengan hasil daripada Audit Pemantauan Pencapaian Penyelidikan yang telah diadakan pada Oktober 2015.

2. Cadangan penambahbaikan kriteria pemarkahan Modul Penyelidikan adalah merujuk Cadangan Carta Aliran Komponen Penyelidikan seperti mana di **Lampiran 1**. Berikut adalah penambahbaikan yang telah diluluskan dan akan dilaksanakan oleh Universiti, iaitu:

i. **Pengiktirafan Sumbangan Kertas Polisi kepada sebagai komponen MyRA**

Staf akademik yang menyumbang kepada penulisan kertas polisi yang menjadi panduan atau rujukan di peringkat negara atau negeri akan diberikan markah eLPPT seperti 33 artikel berindeks ISI. Kertas polisi adalah diterbitkan pada tahun dinilai dan disokong oleh surat lantikan dan bukti penerbitan. Pengesahan maklumat eLPPT akan dilakukan oleh Sekreatariat RU, Research Management Centre (RMC).

ii. **Pengiktirafan geran penyelidikan tanpa dana**

Sebelum ini, hanya geran penyelidikan di mana dananya disalurkan ke akaun UTM diambil kira. Mulai 2016, kesemua geran yang diterima oleh penyelidik akan diambil kira jika bukti penerimaan dana ke dalam akaun disertakan di dalam RADIS. Pengesahan maklumat eLPPT akan dilakukan oleh Timbalan Pengarah Projek, RMC.

iii. **Pengiktirafan penyelidikan bersama (*Joint Research Project*)**

Sebelum ini, geran penyelidikan bersama yang dianggotai oleh staf UTM tetapi diketuai oleh penyelidik luar tidak diambil kira. Mulai 2016, kesemua penyelidikan bersama yang diterima oleh penyelidik akan diambil kira jika bukti lantikan disertakan di dalam sistem RADIS. Pengesahan maklumat eLPPT akan dilakukan oleh Timbalan Pengarah Projek, RMC.

2.1 Input Penyelidikan

Input penyelidikan adalah kemasukan elemen-elemen yang membolehkan penyelidikan dijalankan seperti dana penyelidikan dan dana perundingan. Terdapat dua sub-komponen untuk *Research Input* (*Research Grant* – 67 markah dan *Income Generation* – 33 Markah). Pecahan markah adalah seperti **Jadual 1.1** Pecahan markah bagi sub-komponen Geran. Penyelidikan. Namun begitu satu cadangan penambahbaikan telah dilakukan di mana selain daripada geran penyelidikan, markah juga akan diberikan kepada staf akademik yang mempunyai **Geran Penyelidikan Tanpa Dana** dan staf akademik yang mempunyai **Penyelidikan bersama Pihak Luar (*Joint Research Project*)**. **Jadual 1.2** adalah Pecahan markah Sub Komponen baharu bagi Input Penyelidikan.

Jadual 1.1 Pecahan markah bagi Sub-komponen 1 – Geran Penyelidikan

No.	Sub-Komponen 1 – Geran Penyelidikan	Markah Maksimum
1.	Dana daripada Agensi Kerajaan	67 (BOLEH melimpah kepada sub Komponen 2)
2.	Dana Swasta termasuk kontrak Penyelidikan (Lain-lain)	
3.	Dana Antarabangsa	

Jadual 1.2 Cadangan Pecahan Markah bagi Sub-Komponen 1

No.	Sub-Komponen 1 – Geran Penyelidikan	Markah Maksimum
1.	Dana daripada Agensi Kerajaan	67 (BOLEH melimpah kepada sub Komponen 2)
2.	Dana Swasta termasuk kontrak Penyelidikan (Lain-lain)	
3.	Dana Antarabangsa	
Atau		
1.	Geran Penyelidikan Tanpa Dana	Markah diambilkira menggunakan wajaran Geran Penyelidikan yang sedia ada.
Atau		
1.	Penyelidikan bersama Pihak Luar (<i>Joint Research Project</i>)	Markah diambilkira dengan menggunakan 50% daripada wajaran geran penyelidikan yang sedia ada.

2.2 Output Penyelidikan

Output penyelidikan terbahagi kepada dua iaitu kuantiti dan kualiti penerbitan. Kuantiti penerbitan adalah penulisan di dalam Jurnal berindek, tidak berindeks, Bab dalam buku dan lain-lain penerbitan ilmiah. Manakala kualiti penerbitan adalah jumlah *Cumulative Impact Factor (CIF)*. **Jadual 1.3** menunjukkan sub komponen bagi Kuantiti Output Penyelidikan. Terdapat penambahbaikan di mana **Kertas Polisi** akan diambilkira sebagai kuantiti penerbitan. **Jadual 1.4** Cadangan Pecahan markah sub Komponen bagi Kuantiti Output Penyelidikan.

Jadual 1.3 Pecahan sub-komponen bagi Kuantiti Output Penyelidikan

No.	Kuantiti Penerbitan	Markah Maksimum
1.	<i>Total number of Publications in citation-indexed Journals including Refereed proceedings</i>	Tidak terhad dan boleh melimpah ke sub komponen input penyelidikan (Maksimum 100 Markah)
2.	<i>Cumulative Citation index of publication</i>	
3.	<i>Total no. of Publications in Non-Citation-indexed journal</i>	
4.	<i>Book chapter</i>	
5.	<i>Others publication</i>	

Jadual 1.4 Cadangan Pecahan Markah Sub-Komponen bagi Kuantiti Output Penyelidikan.

No.	Kuantiti Penerbitan	Markah Maksimum
1.	<i>Total number of Publications in citation-indexed Journals including Refereed proceedings</i>	Tidak terhad dan boleh melimpah ke sub komponen input penyelidikan (Maksimum 100 Markah).
2.	<i>Cummulative Citation index of publication</i>	
3.	<i>Total no. of Publications in Non-Citation-indexed journal</i>	
4.	<i>Book chapter</i>	
5.	<i>Others publication</i>	
Atau		
1.	Kertas Polisi	Markah 1 kertas polisi bersamaan 33 artikel berindeks ISI

2.3 Bonus – Komponen Penyelidikan

Bonus ialah tambahan markah yang diberi kepada staf bagi sumbangan dalam webometrik, menggraduankan pelajar dalam tempoh yang ditetapkan (GOT), paten, pengkomersilan, harta intelek dan lebihan sumbangan penerbitan berimpak. Bagi bonus penyelidikan beberapa cadangan penambahbaikan bagi pemarkahan. **Jadual 1.5** Pecahan Markah Bonus Komponen Penyelidikan manakala **Jadual 1.6** Cadangan Markah Bonus Komponen Penyelidikan.

Jadual 1.5 Pecahan Markah Bonus Komponen Penyelidikan

No.	Bonus Komponen Penyelidikan	Markah Maksimum
1.	<i>Cummulative Impact Factor (CIF) (1 to 1)</i>	Bonus Penyelidikan adalah maksimum 10%
2.	<i>Awarded OR Patent Pending (2 X 5%)</i>	
3.	<i>IPR (10 X 0.2% = 2% max)</i>	
4.	<i>Commercialisation (10 %)</i>	

Jadual 1.6 Cadangan Markah Bonus Komponen Penyelidikan


No.	Bonus Komponen Penyelidikan	Markah Maksimum
1.	<i>Cummulative Impact Factor (CIF) (1 to 1)</i>	Bonus Penyelidikan adalah maksimum 10%
2.	<i>Awarded OR Patent Pending (1/patent)</i>	
3.	<i>IPR (10 X 1% = 10% max)</i>	
4.	<i>Commercialisation (10 %)</i>	

3. Pihak Universiti berharap dengan penambahbaikan kriteria komponen penyelidikan ini akan meningkatkan pengiktirafan penyelidikan yang telah diusahakan oleh semua staf akademik dan seterusnya dapat membantu pengekalan sebagai sebuah Universiti Penyelidikan.

Sekian, dimaklumkan dan terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Bendahari
 - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

2015

